

# Dasar baharu kitar semula plastik dicadang tahun depan

BH ONLINE | Selasa, 1 Oktober 2019 | 2:23pm



Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin. NSTP/Aziah Azmee

PETALING JAYA: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memperkenalkan dasar baharu mengenai kitar semula plastik dan pengimportan bahan berkenaan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata KPKT ketika ini sedang mengkaji dan memperhalusi dasar itu sebelum dijangka melancarkannya seawal tahun depan.

Katanya, dasar itu akan dirangka dengan lebih komprehensif dan akan turut mengambil input daripada kertas putih Industri Kitar Semula Plastik Malaysia, supaya boleh menghasilkan garis panduan yang lebih padu dan menyeluruh untuk memperkasakan industri plastik tempatan.

"Selain kitar semula, dasar ini juga akan merangkumi syarat-syarat berkaitan pengimportan plastik seperti kaedah pengurusan. Ia perlu melihat bagaimana kilang-kilang memproses plastik dan kemudian mengeksport ke negara lain.

"Industri plastik bernilai AS\$600 bilion di peringkat dunia dan saya mahu Malaysia untuk mengambil peluang potensi ini kerana negara maju tidak sepenuhnya memberi tumpuan kepada industri ini.

"Jika ia dikendalikan dengan baik dan sempurna, serta disokong penguatkuasaan yang tegas, ia akan menjadi industri yang maju dan moden selain tidak membahayakan alam sekitar," katanya pada sidang media selepas pelancaran kertas putih itu di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Naib Presiden Persatuan Pengeluar Plastik Malaysia (MPMA), CC Cheah.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata dasar itu tidak akan disatukan dengan Dasar Kebersihan Negara kerana terdapat keperluan untuk membuat satu dasar yang lebih jelas dan lengkap, termasuk mewujudkan akta-akta berkaitan plastik.